

Dilabelkan sebagai individu yang amat suka bercakap serta melawak selain mengaku dianugerahkan bakat dalam bidang itu, anak muda kelahiran Rawang, Selangor ini disenangi ramai kenalan malah membantunya menjalani kehidupan harian.

Kehadirannya di mana saja sama ada ke tempat kerja, di rumah bersama ahli keluarga mahupun ketika bersantai dengan rakan pada hujung minggu membuatkan sesiapa saja tidak kering gusi malah terhibur dengan relatah dan susunan kata-katanya.

Bagi Mohd Hafiz Mohd Zahidi, 29, yang juga graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Media & Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bercakap atau berjenaka untuk menghiburkan individu di sekelilingnya sudah sebatani dan menjadi kebiasaan dalam kehidupan hariannya.

“Sejak kecil sehingga kini, saya amat suka bercakap bersama rakan terdekat dan ahli keluarga malah kepada sesiapa saja yang saya temui.

“Bagi saya, dengan banyak berkomunikasi bersama individu lain, ia bukan saja menghiburkan mereka malah pastinya memperbanyakkan ilmu yang saya dapat daripada berbual dengan individu lain,” katanya.

Mohd Hafiz yang juga anak sulung daripada empat beradik itu turut mengakui ramai antara kenalan terdekatnya melabelkan bercakap atau berbual sebagai hobinya.

“Jika dalam sesuatu tempoh saya diam, pasti ada saja individu yang menegur saya dan menyatakan hari mereka tidak lengkap tanpa celoteh saya.

“Saya percaya setiap individu itu dianugerahkan bakat semula jadi pada diri mereka dan saya sedar berkomunikasi dan ber-celoteh satu kelebihan saya yang tidak boleh dipersia-siakan,” ujarnya.

Minat bercakap bawa REZEKI

Hobi jadi kerjaya

Bagi Mohd Hafiz, dia mula mencari sesuatu yang berkait rapat dengan bakatnya itu untuk dikembangkan sekali gus menjana pendapatannya.

“Ketika saya masih menuntut di UKM, saya bersama rakan karib mencuba nasib untuk mencari duit poket dengan menjadi pengacara majlis kahwin dan pada masa sama turut menyanyi.

“Itulah detik permulaan dan saya mula sedar, melalui bakat dan hobi ini saya mampu menjana pendapatan yang sedikit sebanyak boleh saya gunakan untuk menampung perbelanjaan bergelar pelajar ketika itu,” katanya sambil tersenyum.

Selepas tamat pembelajaran di UKM, dia semakin bergiat aktif menjadi pengacara majlis ketika menjalani latihan amali di Lembaga Tabung Haji Kelana Jaya.

“Saya sering diberi kepercayaan untuk mengendalikan majlis atau program ketika latihan amali, justeru saya semakin banyak mempelajari ilmu pengacaraan yang nyata memerlukan individu itu bukan saja mampu bercakap dengan baik malah perlu berfikir kreatif dan pantas dalam mengendalikan sesuatu program.

“Tunjuk ajar daripada senior dan rakan setugas ketika latihan amali itu banyak



mengajar saya untuk mengendalikan majlis korporat yang pastinya membuatkan saya berasa amat gembira kerana dapat mempelajari ilmu baru,” katanya.

Tamat latihan amali, Mohd Hafiz mula berasakan dia perlu lebih serius dalam bidang pengacaraan di samping dapat menjana pendapatan dalam menampung kos kehidupan yang semakin mencabar.

“Bermula dari situ, saya bersama sepupu mula berjinak-jinak menjadi pengacara majlis dengan lebih serius dan berusaha untuk memastikan sebarang majlis yang saya kendalikan itu berjalan dengan lancar.

“Sehingga kini saya sudah mengendalikan majlis pernikahan dan perkahwinan


serta turut mengendalikan majlis pertunangan, anugerah kecemerlangan, makan malam dan acara korporat,” ujarnya.

Pastinya sesiapa saja mengimpikan apa yang dilakukan itu berjalan lancar selain menerima pulangan lumayan.

“Syukur, selepas lebih dua tahun terbabit secara serius dalam bidang ini, saya semakin selesa dan dapat membahagikan masa dengan karier utama saya.

“Bidang ini amat menggembirakan kerana saya dapat menghiburkan orang ramai melalui celoteh saya serta mampu merealisasikan impian individu yang mahukan majlis mereka berjalan lancar,” katanya.

Menurut Mohd Hafiz yang juga eksekutif



projek di sebuah syarikat swasta, dia kini perlu bijak membahagikan masa antara karier utamanya dengan kerjaya sampingannya sebagai pengacara majlis.

“Saya banyak mengendalikan majlis pada waktu malam atau ketika hujung minggu terutama ketika waktu cuti persekolahan memandangkan waktu itu ramai yang mengadakan majlis.

“Cabaran terbesar saya kini, terlalu ramai individu yang boleh bercakap dengan baik selain berkecimpung dalam bidang pengacaraan, namun saya jadikan ia sebagai pembakar semangat untuk saya lebih berusaha keras,” ujarnya.

Mohd Hafiz mengakui dia kini semakin selesa dengan apa yang dilakukannya itu terutama apabila menerima sokongan daripada keluarga dan rakan terdekat.

“Saya tidak penat walaupun melakukan lebih daripada satu kerja malah saya amat gembira kerana dapat menjadikan hobi ini sebagai kerjaya. Saya juga amat gembira kerana dapat melancarkan majlis seperti yang diharapkan pelanggan,” katanya yang berada di bawah syarikat Protocol Academy.

Tambahnya, semua maklumat mengenai bidang dilakukannya itu boleh didapati di laman Facebook Hafiz Zahidi dan Instagram @Hafiz Zahidi.

“Antara kelebihan saya apabila saya boleh mengacara dan menyanyi pada masa sama. Saya juga berazam untuk terus komited menjalankan tugas bergelar pengacara majlis terutama untuk menggembirakan semua hadirin majlis,” katanya.

Dia juga yakin setiap individu itu ada hobi dan kelebihan tersendiri dan sekiranya dapat menggunakan kelebihan itu sebaik mungkin, pasti perkara yang lebih menggembirakan datang menyusul.



DARIPADA hobi ke kerjaya, Mohd Hafiz tekad memberikan yang terbaik dalam mengendalikan program atau majlis.

SOLEMNIZATION
DR. SYAFIQAH & DR. SYAFIQ
26 DESEMBER 2015